

PM: JKKMAR setuju laksana RUU Sumbangan Politik

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) secara dasarnya bersetuju dengan cadangan pelaksanaan dasar penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Sumbangan Politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat dalam mesyuarat yang dipengerusikan beliau, semalam.

Katanya, ia perlu dibawa untuk perbincangan dalam Kabinet sebelum sesi libat urus dengan parti-parti politik.

“Skop dasar bagi RUU baharu berkaitan pengawal seliaan sumbangan politik dipersetujui untuk dibentangkan di mesyuarat jemaah menteri.

“RUU ini penting kerana sehingga kini tiada undang-undang atau peraturan yang mengawal selia pembiayaan politik dan ia dapat mengelak risiko rasuah serta penyalahgunaan kuasa melibatkan ahli politik yang memberi impak negatif kepada imej negara dan kerajaan,” katanya dalam kenyataan.



ISMAIL Sabri Yaakob bersama barisan kepimpinan negeri dalam Majlis Aidilfitri Barisan Nasional Sabah di Kota Kinabalu, semalam. - UTUSAN/SURAIDAH ROSLAN

Pada masa sama, katanya, mesyuarat itu turut membincangkan mengenai pengasingan kuasa Pendakwa Raya dan Peguam Negara.

“Mesyuarat bersetuju supaya kajian yang lebih mendalam dilakukan kerana ia melibatkan perlembagaan,” undang-undang dan kewangan.

“Kerajaan sentiasa komited untuk menambah baik tadbir

urus dan integriti dalam usaha memerangi rasuah,” katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri memaklumkan Pelan Tadbir Urus Baik Nasional (MyGovernance) akan diperkenalkan di semua agensi kerajaan termasuk badan berkanun kerajaan.

“Satu jawatankuasa akan diwujudkan bagi pembangunan MyGovernance ini,” ujarnya.

Ismail Sabri turut mengu-

mumkan mesyuarat bersetuju supaya Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) menjadi agensi berpusat bagi pengurusan harta disita dan dilucut hak.

Katanya, keperluan menjadikan NFCC agensi berpusat penting dan perlu disegerakan bagi membanteras jenayah kewangan dan mengekang ketirisan hasil kerajaan.